KEMPEN "MAYBANK SPECIAL PREMIER ONBOARDING 2026" ("Kempen")
TERMA DAN SYARAT

Kempen ini dianjurkan oleh Maybank Premier Wealth, sebuah segmen di bawah Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Maybank**"). Dengan menyertai Kempen ini, **Pelanggan Yang Layak** (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2.0) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini ("**Terma dan Syarat**") dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1.0 Tempoh Kempen

1.1 Kempen ini bermula dari **5 Oktober 2026** pada **12.00 pagi MYT dan akan tamat pada 31 Disember 2026 pada 11:59 malam ("Tempoh Kempen")**, kedua-dua tarikh termasuk. Kempen ini akan dilaksanakan dalam fasa berikut:

a) **Fasa 1:** 1 Oktober 2026 hingga 31 Oktober 2026;
b) **Fasa 2:** 1 November 2026 hingga 30 November 2026; dan
c) **Fasa 3:** 1 Disember 2026 hingga 31 Disember 2026.

1.2 Definisi. Bagi tujuan Terma dan Syarat ini:

a) **"Pemegang Akaun Utama"** bermaksud pemegang utama akaun Maybank yang baru didaftarkan sebagai pelanggan Maybank Premier semasa Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria kelayakan di bawah Klausa 2.0.
b) **"Relationship Manager" ("RM")** bermaksud wakil Maybank Premier yang ditugaskan untuk memberikan perkhidmatan kepada Pemegang Akaun Utama.

2.0 Kriteria Kelayakan

2.1 Kempen ini terbuka secara eksklusif kepada pelanggan baharu Maybank Premier yang didaftarkan dari 1 Oktober 2026 hingga 31 Disember 2026, yang memegang akaun individu atau bersama dengan Maybank dan menerima "Welcome Card" Maybank Premier pada tarikh pendaftaran melalui Kad Pendaftaran fizikal atau Electronic Direct Mailer **("EDM")**("Welcome Card"). Hanya pelanggan yang memiliki "Welcome Card" yang sah layak menyertai Kempen ini.

2.2 Untuk layak sebagai pelanggan Maybank Premier, seseorang pelanggan individu mesti mengekalkan sama ada:

2.2.1 minimum RM250,000 dalam "Investable Assets" (Deposit dan/atau Pelaburan); atau
2.2.2 minimum RM1,000,000 dalam "Total Financial Assets" (Deposit/Pelaburan dan/atau Pinjaman/Pembiayaan) dengan Maybank.

Maybank dan Maybank Islamic ialah ahli PIDM. Perlindungan oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit adalah tertakluk pada kriteria kelayakan perlindungan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan melalui www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut.

2.3 Individu dan entiti berikut tidak layak menyertai Kempen ini:
2.3.1 Kakitangan Maybank dan kumpulan syarikatnya;
2.3.2 Entiti korporat atau komersial;

2.3.3 Pelanggan yang akaunnya diklasifikasikan sebagai tertunggak, dikenakan sekatan atau melanggar terma dan syarat Maybank; atau

2.4 Bagi akaun bersama, hanya Pemegang Akaun Utama akan dianggap sebagai Pelanggan Yang Layak bagi tujuan kelayakan dan pemilihan pakej.

Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria di atas selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan Yang Layak**".

3.0 Tawaran Kempen

3.1 Tawaran Istimewa 'Islamic Fixed Deposit-i'

Tertakluk pada Terma dan Syarat ini, Pelanggan Yang Layak yang telah menerima "Welcome Card" Maybank Premier dalam bentuk Kad Pendaftaran fizikal atau "EDM" semasa pendaftaran sebagai pelanggan Maybank Premier berhak membuat peletakan Islamic Fixed Deposit-i ("IFD-i") bagi tempoh **enam (6) bulan** pada kadar keuntungan istimewa **4.38% setahun**.

Maybank berhak menyemak semula kadar keuntungan istimewa yang terpakai bagi Fasa 2 dan/atau Fasa 3 Kempen. Sebarang semakan terhadap kadar keuntungan istimewa akan diumumkan melalui Maybank2u dan/atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh Maybank sebelum atau semasa fasa berkenaan.

3.2 Keperluan Peletakan

Untuk layak menerima kadar keuntungan istimewa di bawah Kempen ini, Pelanggan Yang Layak mesti memenuhi semua keperluan berikut:

a) Mengemukakan Kad Pendaftaran fizikal atau EDM yang diterima semasa pendaftaran sebagai pelanggan Maybank Premier pada masa peletakan dibuat.

b) Peletakan IFD-i mesti dibiayai menggunakan Dana Baharu.
Bagi tujuan Kempen ini, "Dana Baharu" bermaksud dana-dana dari bank-bank lain yang baru dipindahkan ke dalam akaun Pelanggan yang diletakkan di Maybank dalam tempoh 7 hari kalendar.

c) Jumlah peletakan minimum ialah **RM1,000** dan peletakan maksimum **RM2,000,000** bagi setiap Pelanggan Yang Layak.

d) Peletakan mesti dibuat Atas Kaunter ("OTC") di mana-mana cawangan Maybank semasa Tempoh Kempen atas dasar siapa cepat, dia dapat.

e) Pelanggan/Peserta Yang Layak dikehendaki untuk memegang Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan Patuh Syariah/Konvensional dan/atau Akaun Daily Fund-i di mana-mana cawangan Maybank.

f) Setiap Pelanggan yang Layak pada satu (1) peletakan IFD-i pada kadar keuntungan istimewa di bawah Kempen ini.

3.3 Tempoh Laku dan Penggunaan "Welcome Card"

3.3.1 Tawaran IFD-i sah dari tarikh pendaftaran Maybank Premier bagi Pelanggan Yang Layak sehingga 31 Disember 2026, termasuk kedua-dua tarikh.

3.3.2 "Welcome Card" hanya boleh digunakan sekali oleh Pelanggan Yang Layak untuk memperoleh kadar keuntungan istimewa di bawah Kempen ini.

3.3.3 "Welcome Card" adalah khusus untuk Pelanggan Yang Layak, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau apa-apa manfaat lain.

3.4 Pengeluaran Sebelum Tarikh Matang

Sebarang pengeluaran awal dana sebelum tarikh matang deposit akan tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Umum Akaun Deposit Bagi Perbankan Islam.

3.5 Syarat-syarat Lain

a) Maybank berhak menyemak semula Kadar Kempen semasa Tempoh Kempen bagi mencerminkan sebarang perubahan pada Kadar Dasar Semalaman yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Sebarang semakan pada Kadar Kempen atau perubahan lain pada Kempen akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui pengumuman di Maybank2u dan/atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Kadar keuntungan istimewa di bawah Kempen ini boleh disemak semula oleh Maybank bagi mencerminkan sebarang perubahan pada Kadar Dasar Semalaman yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia semasa Tempoh Kempen.

b) Pelanjutan Automatik tidak layak menerima kadar keuntungan istimewa di bawah Kempen ini.

c) Kempen ini tidak sah jika digabungkan dengan mana-mana program promosi, kempen, tawaran atau insentif lain yang ditawarkan oleh Maybank, melainkan ditentukan sebaliknya oleh Maybank.

4.0 Pemenuhan Tawaran Kempen

4.1 Apabila IFD-i mencapai tempoh matang, kadar keuntungan akan ditukar kepada Kadar Asas Semasa Patuh Syariah untuk sebarang pembaharuan. Sila layari www.maybank2u.com.my untuk melihat Kadar Asas semasa dan peraturan-peraturan yang terbaru mengenai pengeluaran sebelum tempoh matang untuk Fixed Deposit, Islamic Term Deposit dan Term Fund-i.

4.2 Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat yang Mengawal Akaun Perbankan/Am, Terma dan Syarat Umum Akaun Deposit Bagi Perbankan Islam atau produk berkaitan lain, mengikut mana-mana yang berkenaan. Terma dan Syarat ini hendaklah mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi (termasuk tetapi tidak terhad kepada poster atau risalah bercetak) yang mengiklankan Kempen ini.

5.0 Terma dan Syarat Umum

5.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

5.2 Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

5.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat Terma dan Syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma dan Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

5.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

a) tujuan Kempen; dan

b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

5.5 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau pengabaian oleh Maybank.

5.6 Maybank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

5.7 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.

5.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.